

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN**  
**[KENINGAU]**  
**TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 68**

**Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN [ KENINGAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan Artikel 112c(2) yang mana ianya memperuntukkan bahawa hasil-hasil tertentu Sabah dan Sarawak berhak menerima di bawah Bahagian V Jadual ke-10 Perlembagaan Persekutuan hendaklah tidak dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan (*Consolidated Fund*) dan membayarnya kepada Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Persekutuan akan sentiasa cuba memenuhi tuntutan dan hak Kerajaan Negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, ia tertakluk kepada kemampuan dan kedudukan hasil Kerajaan. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau mempengerusikan Majlis Kewangan Negara pada 7 Jun 2018.

Untuk itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri diurusetikan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa telah memulakan rundingan pada bulan Disember 2018 dan dijangka melengkapkan Laporan Akhir pada bulan Julai 2019. Skop kajian dan semakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kewangan yang mana Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu-isu yang dibangkitkan dengan mengambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan kepada prinsip keadilan dan kesaksamaan bagi memastikan semua pihak mendapat keadilan seperti yang diperuntukkan di sisi undang-undang negara demi menegakkan kedaulatan undang-undang atau "rule of law" di negara kita. Isu ketidakseimbangan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berbanding negeri Sabah dan Sarawak akan dapat diberikan penekanan yang lebih serius.